

IPOLIPID

Gemfibrozil (300mg, 600mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan IPOLIPID
2. Bagaimana IPOLIPID berfungsi
3. Sebelum menggunakan IPOLIPID
4. Cara menggunakan IPOLIPID
5. Semasa menggunakan IPOLIPID
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan IPOLIPID
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Produk Pendaftaran
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan IPOLIPID

IPOLIPID digunakan, bersama diet rendah lemak dan rawatan bukan perubatan lain seperti senaman dan penurunan berat badan, untuk mengurangkan lemak di dalam darah. IPOLIPID boleh digunakan apabila ubat-ubatan lain (statin) tidak sesuai, untuk mengurangkan kejadian masalah jantung pada pesakit yang berisiko tinggi dan mempunyai paras kolesterol tidak baik yang tinggi. IPOLIPID juga digunakan pada pesakit yang tidak boleh mengambil/bertoleransi dengan ubat pengurangan lipid/lemak lain untuk menurunkan paras kolesterol dalam darah.

Bagaimana IPOLIPID berfungsi

IPOLIPID tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai *fibrates*. Ubat-ubatan ini digunakan untuk menurunkan tahap lemak (lipid) dalam darah contohnya trigliserida.

Sebelum menggunakan IPOLIPID

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil IPOLIPID:

- Jika anda mempunyai alahan terhadap gemfibrozil atau mana-mana bahan lain dalam IPOLIPID
- Jika anda mempunyai penyakit buah pinggang yang serius
- Jika anda mempunyai penyakit hati
- Jika anda mempunyai sejarah batu hempedu, penyakit hempedu dan pundi hempedu (penyakit saluran biliari).

Kehamilan dan penyusuan

Anda disarankan supaya tidak mengambil IPOLIPID semasa hamil melainkan jika perlu. Beritahu doktor

jika anda hamil atau sedang cuba untuk mengandung.

Anda juga disarankan supaya tidak mengambil IPOLIPID semasa menyusukan bayi anda. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat-ubatan.

Sebelum mula menggunakan IPOLIPID

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang masalah perubatan termasuk keadaan yang berikut untuk menentukan sama ada IPOLIPID adalah sesuai untuk anda:

- Penyakit buah pinggang yang ringan atau sederhana
- Tiroid yang kurang aktif
- Kencing manis

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang atau pernah mengambil sebarang ubat-ubatan yang lain, termasuk ubat-ubatan yang boleh diperolehi tanpa preskripsi.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil mana-mana ubat yang berikut:

- Antikoagulan seperti *warfarin* (digunakan untuk menipiskan darah)
- Granul *Colestipol resin* untuk rawatan paras lemak yang tinggi dalam darah (kolesterol)

Cara menggunakan IPOLIPID

Berapa banyak harus digunakan

- Dos biasa adalah antara 900mg dan 1500mg setiap hari. Doktor anda akan menentukan dos yang terbaik untuk anda; ikut arahan yang diberikan pada label.
- Satu dos perlu diambil setengah jam sebelum sarapan pagi dan dos kedua diambil setengah jam sebelum makan malam.

Dewasa dengan penyakit buah pinggang ringan atau sederhana

Doktor anda akan menilai keadaan anda sebelum dan semasa rawatan dengan IPOLIPID.

IPOLIPID tidak boleh digunakan pada pesakit dengan penyakit buah pinggang yang serius.

Penggunaan pada kanak-kanak IPOLIPID tidak digalakkan untuk kegunaan kanak-kanak.

Bila perlu digunakan

Sentiasa mengambil IPOLIPID tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda. Anda perlu merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti. Arahan sepatutnya tercetak di atas label. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, jangan bimbang. Abaikan dos itu dan ambil dos seterusnya pada masa kebiasaan. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja mengambil terlalu banyak IPOLIPID, hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke hospital yang terdekat. Sentiasa membawa bungkusan ubat yang berlabel dengan anda, walaupun tiada IPOLIPID yang tinggal.

Semasa menggunakan IPOLIPID

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan IPOLIPID.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil IPOLIPID kecuali diarahkan oleh doktor anda. Anda disarankan supaya mengikuti semua nasihat yang diberi semasa mengambil IPOLIPID untuk mendapat manfaat yang sepenuhnya daripada rawatan ini.

Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan produk ini, bertanyalah dengan doktor atau ahli farmasi.

IPOLIPID

Gemfibrozil (300mg, 600mg)

Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan mesin

Dalam kes-kes yang jarang berlaku IPOLIPID boleh menyebabkan anda menjadi pening dan menjejaskan penglihatan anda, jika ini berlaku, jangan memandu tau mengendalikan jentera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, IPOLIPID boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan yang paling kerap dilaporkan adalah aduan gastrousus tetapi biasanya tidak seteruk sehingga memerlukan pemberhentian terapi.

Sakit kepala, pening, penglihatan kabur, vertigo (sensasi berpusing and hilang keseimbangan), pengsan, insomnia (kesukaran tidur), mengantuk, *paraesthesia* (kesemutan), *asthenia* (kekurangan tenaga), *tinnitus* (nada dalam telinga), seram sejuk, kemurungan mental, masalah psikik, keletihan, kelesuan, penurunan sedikit dalam hemoglobin (molekul dalam sel darah merah yang mengangkut oksigen) dan hematokrit (jumlah sel darah merah di dalam darah) dan dalam kiraan leukocyte (sel darah putih) telah berlaku dalam beberapa pesakit yang menerima Gemfibrozil, eosinofilia (peningkatan paras eosinofil, sejenis sel darah putih), penyakit batu hempedu.

Ruam (kadang-kadang dengan eosinofilia), dermatitis (radang kulit), *circumscribed exanthema* (ruam kulit), ekzema (keradangan kulit yang menyebabkan kulit anda menjadi merah dan gatal), pruritus (gatal-gatal kulit yang serius), hives (gatal-gatal), kaki sakit.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mendapati kesan sampingan yang tidak tersenarai dalam risalah ini, sila beritahu doctor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883 5550, atau

laman web portal.bpfk.gov.my
(Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan **IPOLIPID**

Penyimpanan

Simpan di luar jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

Simpan di tempat yang kering pada suhu tidak melebihi 25°C jauh daripada cahaya.

Pelupusan

Jangan gunakan ubat selepas tarikh luput yang dinyatakan pada bungkusan dan pada setiap blister. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi untuk cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin keras IPOLIPID 300mg berwarna merah hati dan putih dengan saiz "0" dan mempunyai cetakan "IPOLIPID"

Tablet IPOLIPID 600mg berwarna putih, bersalut filem, berbentuk kapsul, mempunyai garisan skor, dengan timbulan "MC" dan dimesi 17.5 x 8mm

IPOLIPID 300mg kapsul:
PVC/Aluminium blister mengandungi 10 biji kapsul, dibekalkan dalam karton 500 kapsul.

IPOLIPID 600mg tablet:
PVC/Aluminium blister mengandungi 10 biji tablet, dibekalkan dalam karton 30 dan 100 tablet.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Bahan aktif adalah: *Gemfibrozil*

Bahan tidak aktif

Kapsul IPOLIPID juga mengandungi *sodium starch glycolate*, *colloidal hydrated silica*, *pregelatinised starch*, *carboxymethyl cellulose*, laktosa dan magnesium stearat

Tablet IPOLIPID juga mengandungi *colloidal anhydrous silica*, *microcrystalline cellulose*, *sodium starch glycolate*, kanji jagung, magnesium stearate dan *Opadry White Y-1-7000*.

MAL No.

| | |
|----------------|---------|
| IPOLIPID 300mg | Capsule |
| MAL19900461AZ | |
| IPOLIPID 600mg | Tablet |
| MAL19940366AZ | |

Pengilang

MEDOCHEMIE LTD, 1-10, Constantinopol Str., Limassol, 3011, Cyprus

Pemegang Pendaftaran Produk

KOMEDIC SDN BHD, 4 Jalan PJS 11/14, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya

Tarikh kemaskini RiMUP

13/08/2015

No. Siri

BPFK(R4/1)100815/00237